

---

**BAB 6 TERBITAN BAHARU SEKURITI****BAHAGIAN A - AM****6.01 Pengenalan**

- (1) Bab ini memperuntukkan mengenai kehendak-kehendak yang mesti dipatuhi oleh pemohon atau perbadanan tersenarai, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi apa-apa terbitan baharu sekuriti.
- (2) Sekiranya terbitan baharu sekuriti adalah menurut atau akan mengakibatkan perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar perbadanan tersenarai, perbadanan tersenarai juga mesti mematuhi Kehendak-kehendak di bawah Bab 6 ini, jika berkenaan.
- (3) Kehendak-kehendak tambahan yang berhubungan dengan penerbitan sekuriti menurut perolehan diperuntukkan dalam Bab 10.
- (4) Bagi maksud Bab ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -
  - (a) "**Terbitan Bonus Ditentukan**" adalah terbitan bonus sekuriti yang -
    - (i) tidak tertakluk kepada apa-apa cadangan korporat yang lain, atau
    - (ii) tertakluk kepada cadangan korporat yang lain tetapi -
      - (aa) cadangan korporat lain itu adalah pembahagian kecil atau penyatuan syer; atau
      - (bb) cadangan korporat lain itu telah selesai atau menjadi tidak bersyarat;
  - (b) "**Pembahagian Kecil Ditentukan**" mempunyai erti yang diberikan dalam Kaedah 13.04 (3); dan
  - (c) "**Penyatuan Ditentukan**" mempunyai erti yang diberikan dalam Kaedah 13.14.

**BAHAGIAN B – PENERIMAAN MASUK****6.02 Penerimaan masuk**

- (1) Bursa akan melaksanakan budi bicaranya terhadap penyenaraian terbitan baharu sekuriti dalam Senarai Rasminya dan boleh meluluskan atau menolak permohonan bagi penyenaraian terbitan baharu sekuriti tersebut, sebagaimana yang difikirkannya patut.
- (2) Jika Bursa meluluskan permohonan untuk penyenaraian terbitan baharu sekuriti, kelulusan tersebut boleh tidak bersyarat atau tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.
- (3) Dalam memberikan kelulusan untuk penyenaraian terbitan baharu sekuriti oleh perbadanan tersenarai, Bursa mempertimbangkan antara lain, sama ada -
  - (a) kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan telah diperolehi, jika ada;
  - (b) kelulusan pemegang syer dikehendaki di bawah Kehendak-kehendak ini;

- (c) perbadanan tersenarai itu sedang dalam pertimbangan untuk kemungkinan dibatalkan penyenaraian di bawah Bab 16;
  - (d) perbadanan tersenarai mempunyai amalan tadbir urus korporat yang memuaskan;
  - (e) perbadanan tersenarai telah mengatasi semua keadaan percanggahan kepentingan dengan memuaskan; atau
  - (f) permohonan oleh perbadanan tersenarai menjelaskan kepentingan awam.
- (4) Perbadanan tersenarai mesti mengemukakan permohonan penyenaraian di bawah Bab ini kepada Bursa melalui seorang Penaja atau Penasihat, mengikut mana yang berkenaan, kecuali untuk Terbitan Bonus Ditentukan sekuriti ekuiti.

*[Rujukan silang: Nota Panduan 18]*

- (5) Perbadanan tersenarai dan Penaja atau Penasihatnya mesti mematuhi prosedur penyenaraian dan peruntukan-peruntukan yang berkenaan berhubungan dengan terbitan baharu sekuriti sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa.

*[Rujukan silang: Nota Panduan 17]*

- (6) Perbadanan tersenarai, penasihat atau orang lain yang bertanggungjawab bagi semua atau mana-mana bahagian maklumat dan dokumen yang dikemukakan kepada Bursa berhubung dengan apa-apa permohonan penyenaraian mesti melaksanakan ketekunan wajar dan mematuhi Garis Panduan SC mengenai Penjalanan Ketekunan Wajar bagi Cadangan Korporat seolah-olah pengemukaan itu dibuat kepada SC.

## **BAHAGIAN C – KEHENDAK AM UNTUK TERBITAN BAHRU SEKURITI**

### **6.02A Pemakaian Am**

Bahagian B di atas dan Bahagian C ini terpakai bagi semua terbitan baharu sekuriti oleh perbadanan tersenarai seperti penempatan, terbitan hak, terbitan bonus, Skim Penerbitan Syer, Skim Pelaburan Semula Dividen, dan penerbitan sekuriti hutang, syer keutamaan boleh tebus dan sekuriti boleh tukar, jika berkenaan dan dengan pengubahsuaian yang diperlukan.

*[Rujukan silang: Nota Panduan 17]*

Application of monies from subscription of shares paid into a trust account

### **6.03 Penggunaan wang dari pelanggan syer dibayar ke dalam akaun amanah**

Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa semua wang yang diterima dari mana-mana orang yang telah memberikan balasan untuk syer menurut suatu terbitan, penawaran untuk langganan atau pembelian, atau pembuatan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, terbitan baharu sekuriti mesti digunakan selaras dengan seksyen 215 atau 243 CMSA, sebagaimana yang boleh terpakai.

### **6.04 Mandat am untuk terbitan sekuriti**

- (1) Tertakluk kepada Kaedah 6.07 dan walaupun terdapat suatu ketetapan menurut seksyen 75(1) dan 76(1) Akta Syarikat, atau berhubung dengan suatu perbadanan asing, suatu ketetapan yang sama sifatnya menurut undang-undang yang berkenaan di tempat pemerbadanan, perbadanan tersenarai tidak boleh menerbitkan apa-apa syer atau sekuriti boleh tukar sekiranya jumlah keseluruhan syer atau sekuriti boleh tukar tersebut, apabila diagregatkan dengan jumlah keseluruhan mana-mana syer atau sekuriti boleh tukar tersebut yang diterbitkan dalam tempoh 12 bulan sebelumnya, melebihi 10% daripada jumlah keseluruhan syer yang

diterbitkan (tidak termasuk syer perbendaharaan) perbadanan tersenarai, kecuali jika syer atau sekuriti boleh tukar itu diterbitkan dengan kelulusan pemegang syer terlebih dahulu di dalam satu mesyuarat agung mengenai terma dan syarat terbitan yang tepat.

- (2) Dalam menentukan jumlah syer atau sekuriti boleh tukar yang boleh diterbitkan oleh perbadanan tersenarai, sekiranya sekuriti itu adalah sekuriti boleh tukar, setiap sekuriti tersebut dikira sebagai bilangan maksimum syer yang kepadaanya sekuriti itu boleh ditukar atau dilaksanakan.
- (3) Jika suatu mandat am untuk terbitan sekuriti dimohon, perbadanan tersenarai mesti memasukkan di dalam pernyataan yang mengiringi ketetapan yang dicadangkan maklumat yang berikut:
  - (a) sama ada mandat itu mandat baharu atau suatu pembaharuan;
  - (b) jika mandat itu adalah suatu pembaharuan atau yang telah dimohon pada tahun sebelumnya, nyatakan yang berikut:
    - (i) hasil yang diperolehi dari mandat terdahulu, jika ada;
    - (ii) perincian dan status penggunaan hasil; dan
  - (c) tujuan dan penggunaan hasil dari mandat am yang dimohon.

#### **6.05 Terbitan baharu sekuriti di bawah mandat am**

Tertakluk kepada Kaedah 6.06, jika terbitan syer atau sekuriti boleh tukar dibuat menurut Kaedah 6.04(1), perbadanan tersenarai mesti memastikan perkara yang berikut:

- (a) syer tidak diletakkan pada harga yang melebihi diskau 10% daripada harga pasaran purata wajaran syer bagi 5 hari pasaran sebaik sebelum tarikh penetapan harga;
- (b) bagi terbitan sekuriti boleh tukar –
  - (i) sekiranya harga laksana atau harga tukar telah ditetapkan, harga tersebut tidak melebihi diskau 10% daripada harga pasaran purata wajaran syer sandaran bagi 5 hari pasaran sebaik sebelum tarikh penetapan harga; dan
  - (ii) sekiranya harga laksana atau harga tukar adalah berdasarkan suatu formula, apa-apa diskau dalam formula penetapan harga tidak melebihi 10% daripada harga pasaran purata wajaran syer sandaran bagi 5 hari pasaran sebaik sebelum pelaksanaan atau penukaran; dan
- (c) sekuriti tidak diletakkan kepada –
  - (i) pengarah berkepentingan, pemegang syer utama berkepentingan, ketua eksekutif berkepentingan atau orang berkepentingan yang berhubungan dengan seseorang pengarah, pemegang syer utama atau ketua eksekutif (semuanya sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Kaedah 6.07); dan
  - (ii) perbadanan penama, melainkan nama benefisiari terakhir dizahirkan.

#### **6.06 Terbitan sekuriti dengan kelulusan spesifik pemegang syer**

Walau apa pun seksyen 75(2) Akta Syarikat, jika suatu terbitan syer atau sekuriti boleh tukar lain menyimpang daripada apa-apa kehendak yang berkenaan yang ditetapkan dalam Kaedah 6.05, perbadanan tersenarai mesti mendapatkan kelulusan pemegang syer terlebih dahulu dalam mesyuarat agung bagi terma dan syarat-syarat terbitan yang jelas, khususnya mengenai –

- (a) harga terbitan, harga laksana atau harga tukar sekuriti itu atau, dalam keadaan di mana harga tersebut akan ditentukan selepas tarikh kelulusan pemegang syer, asas atau formula penentuan harga tersebut; dan
- (b) tujuan terbitan itu dan penggunaan hasil.

#### **6.07 Pengumpukan syer kepada pengarah dsb.**

(1) Tertakluk kepada sub-Kaedah (1A) di bawah ini, perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa ia atau mana-mana subsidiarinya tidak menerbitkan syer atau sekuriti boleh tukar lain kepada orang-orang berikut melainkan pemegang syer telah meluluskan dalam mesyuarat agung pengumpukan tertentu itu untuk dibuat kepada orang-orang tersebut:

- (a) pengarah, pemegang syer utama atau ketua eksekutif perbadanan tersenarai atau syarikat pemegangan perbadanan tersenarai ("pengarah berkepentingan", "pemegang syer utama berkepentingan" dan "ketua eksekutif berkepentingan"); atau
  - (b) orang yang berhubungan dengan pengarah berkepentingan, pemegang syer utama berkepentingan atau ketua eksekutif berkepentingan ("orang berkepentingan yang berhubungan dengan pengarah, pemegang syer utama atau ketua eksekutif").
- (1A) Sub-Kaedah (1) di atas tidak terpakai kepada suatu terbitan sekuriti –
- (a) secara *pro rata* kepada pemegang syer;
  - (b) menurut penempatan sandar-menyandar yang dilaksanakan dengan mematuhi Kaedah 6.15; atau
  - (c) menurut Skim Pelaburan Semula Dividen.
- (2) Walau apa pun peruntukan yang bertentangan dalam Kehendak-kehendak ini, di dalam mesyuarat untuk mendapatkan kelulusan pemegang syer berkenaan pengumpukan yang disebut di bawah sub-Kaedah (1) di atas –
- (a) pengarah berkepentingan, pemegang syer utama berkepentingan, ketua eksekutif berkepentingan atau orang berkepentingan yang berhubungan dengan pengarah, pemegang syer utama atau ketua eksekutif; dan
  - (b) jika pengumpukan itu adalah untuk faedah orang berkepentingan yang berhubungan dengan pengarah, pemegang syer utama atau ketua eksekutif, pengarah, pemegang syer utama atau ketua eksekutif tersebut;

mesti tidak mengundi pada ketetapan yang meluluskan pengumpukan tersebut. Pengarah berkepentingan, pemegang syer utama berkepentingan atau ketua eksekutif berkepentingan mesti memastikan bahawa orang-orang yang berhubungan dengannya menarik diri dari mengundi pada ketetapan meluluskan pengumpukan tersebut.

- 
- (3) Perbadanan tersenarai mesti memasukkan yang berikut di dalam notis mesyuarat:
- (a) bilangan sekuriti yang akan diumpukan;
  - (b) tujuan pengumpukan;
  - (c) terma dan syarat-syarat pengumpukan yang tepat; dan
  - (d) identiti dan hubungan orang yang berkepentingan yang berhubungan dengan pengarah, pemegang syer utama atau ketua eksekutif, jika berkenaan.
- (4) Kecuali dalam hal suatu terbitan sekuriti secara pro rata kepada pemegang syer dan tertakluk kepada sub-Kaedah (1) di atas, perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa subsidiarinya tidak menerbitkan syer atau sekuriti boleh tukar lain kepada pengarah, pemegang syer utama atau ketua eksekutif subsidiari tersebut atau syarikat pemegangan subsidiari tersebut (selain daripada perbadanan tersenarai atau syarikat pemegangan perbadanan tersenarai ) atau orang yang berhubungan dengan pengarah, pemegang syer utama atau ketua eksekutif tersebut melainkan jika -
- (a) perbadanan tersenarai telah mendapatkan kelulusan lembaga pengarahnnya terlebih dahulu bagi pengumpukan tertentu kepada orang tersebut;
  - (b) lembaga pengarah perbadanan tersenarai telah memastikan bahawa pengumpukan itu adalah adil dan munasabah kepada perbadanan tersenarai dan demi kepentingan terbaik perbadanan tersenarai; dan
  - (c) perbadanan tersenarai mengumumkan dengan serta merta pengumpukan tertentu kepada orang tersebut dan memasukkan perkara berikut dalam pengumuman:
    - (i) maklumat yang ditetapkan dalam sub-Kaedah (3) di atas; dan
    - (ii) pernyataan oleh lembaga pengarah perbadanan tersenarai bahawa pengumpukan tersebut adalah adil dan munasabah bagi perbadanan tersenarai dan demi kepentingan terbaik perbadanan tersenarai. Jika seseorang pengarah tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut, pernyataan oleh pengarah itu yang menyatakan sebab dan faktor yang dipertimbangkan dalam membuat pendapat itu.

#### **6.08 Pengumuman kepada Bursa**

- (1) Perbadanan tersenarai mesti memasukkan maklumat yang dinyatakan dalam Bahagian A Lampiran 6A di dalam pengumumannya kepada Bursa berkaitan dengan suatu terbitan baharu sekuriti yang dicadangkan.
- (2) Jika perbadanan tersenarai melaksanakan suatu penerbitan dan penempatan sekuriti secara berperingkat selama suatu tempoh tertentu, perbadanan tersenarai mesti, semasa penempatan sekuriti, mengumumkan dengan serta merta kepada Bursa, bilangan dan harga terbitan sekuriti.

#### **6.09 Surat pekeliling**

- (1) Perbadanan tersenarai mesti memasukkan maklumat yang dinyatakan dalam Bahagian A Lampiran 6B di dalam surat pekeliling untuk mendapatkan kelulusan pemegang sekuriti berkenaan dengan terbitan baharu sekuriti.
- (2) Draf surat pekeliling mesti diserahkan kepada Bursa untuk diteliti bersama-sama senarai semak yang menunjukkan pematuhan dengan Bahagian A Lampiran 6B.

**6.09A Penyerahan dan pembayaran secara elektronik**

- (1) Sebagai tambahan kepada kaedah manual, perbadanan tersenarai mesti memudah cara pemegang sekuritinya untuk melaksanakan yang berikut, secara elektronik:
- (a) langganan dan pembayaran bagi terbitan hak;
  - (b) pertukaran dan pembayaran bagi sekuriti boleh tukar; dan
  - (c) pemilihan untuk menyertai Skim Pelaburan Semula Dividen.
- (2) Bagi maksud sub-Kaedah (1) di atas, "**secara elektronik**" ertiannya melalui suatu kemudahan berasaskan internet yang disediakan kepada pemegang sekuriti, penggunaan mesin juruwang automatik atau apa-apa mod elektronik lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bursa.

**6.10 Pengumpulan sekuriti, penghantaran notis pengumpulan dan permohonan sebut harga berkenaan dengan terbitan awam.**

Jika perbadanan tersenarai menerbitkan sekuriti kepada awam, dalam tempoh 8 hari pasaran dari tarikh permohonan akhir atau tempoh lain yang boleh ditentukan oleh Bursa, perbadanan tersenarai mesti -

- (a) menerbitkan atau mengumpukkan sekuriti itu;
- (b) menghantar notis pengumpulan kepada pemohon yang berjaya; dan
- (c) memohon sebut harga bagi sekuriti tersebut, jika berkenaan.

**6.11 Dokumen untuk terbitan sekuriti yang dibuat di luar negara**

Jika suatu terbitan sekuriti akan dibuat di luar negara dan disokong oleh satu prospektus atau dokumen awam lain, perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa prospektus atau dokumen awam lain itu dalam bahasa Inggeris diserah simpan dengan Bursa. Dokumen tersebut mesti diendors dengan "Spesimen - Untuk Makluman Sahaja."

**BAHAGIAN D – KEHENDAK-KEHENDAK TAMBAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENEMPATAN****6.12 [Dipotong]****6.13 Ejen penempatan**

Penaja atau Penasihat perbadanan tersenarai, dalam kes yang berkenaan, mesti bertindak sebagai ejen penempatan bagi penempatan sekuriti.

**6.14 Pembayaran sekuriti**

Perbadanan tersenarai mesti menerbitkan dan mengumpukkan sekuriti seberapa segera selepas tarikh penetapan harga. Dalam apa-apa keadaan, perbadanan tersenarai mesti memastikan pembayaran bagi sekuriti dibuat oleh penerima penempatan kepada perbadanan tersenarai dalam tempoh 5 hari pasaran dari tarikh penetapan harga. Untuk terbitan sekuriti di bawah Kaedah 6.06, tarikh penetapan harga akan diambil sebagai tarikh kelulusan pemegang syer, kecuali dalam keadaan jika harga ditentukan pada suatu tarikh yang kemudian dari kelulusan pemegang syer.

**6.15 Penempatan sandar-menyandar**

- (1) Perbadanan tersenarai boleh melaksanakan penempatan sandar-menyandar yang melibatkan
- 
- (a) pemegang syer sedia ada menjual syer sedia ada perbadanan tersenarai kepada ejen penempatan bagi penempatan yang berikutnya kepada penerima penempatan; dan
- (b) perbadanan tersenarai menerbitkan syer baharu kepada pemegang syer sedia ada tersebut untuk menggantikan syer yang telah dijual sebelumnya kepada ejen penempatan.
- (2) Perbadanan tersenarai yang melaksanakan penempatan sandar-menyandar mesti mematuhi syarat-syarat berikut:
- (a) perbadanan tersenarai mempunyai permodalan pasaran harian purata sekurang-kurangnya RM500 juta dalam 3 bulan yang berakhir pada hari perniagaan terakhir bulan kalendar sejurus sebelum tarikh penempatan;
- (b) perbadanan tersenarai mematuhi dengan kehendak spread pemegangan syer di bawah Kaedah 8.02 (1) Kehendak-kehendak ini; dan
- (c) perbadanan tersenarai memberikan Bursa satu pengisyiharan dari pemegang syer sedia ada yang terlibat di dalam pengaturan penempatan sandar-menyandar kepada Bursa bahawa mereka tidak akan memperoleh apa-apa manfaat kewangan dari pengaturan tersebut, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

**6.16 Perincian penerima penempatan**

- (1) Secepat yang boleh praktik selepas penempatan sekuriti dan sebelum penyenaraian terbitan baharu sekuriti tersebut, Penaja atau Penasihat perbadanan tersenarai, dalam kes yang berkenaan, mesti menyerahkan kepada Bursa yang berikut:
- (a) senarai akhir (pecahan mengikut setiap ejen penempatan) yang menyatakan nama, alamat rumah atau perniagaan, kad pengenalan/pasport/ nombor pendaftaran syarikat, pekerjaan/aktiviti utama dan nombor akaun sekuriti kesemua penerima dan pemunya benefisial akhir penempatan sekuriti (dalam kes di mana penerima penempatan adalah perbadanan atau dana penama), dan jumlah dan harga sekuriti yang diletak pada setiap penerima penempatan; dan
- (b) pengesahan dari Penaja atau Penasihat, dalam kes yang berkenaan, bahawa sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaannya, setelah mengambil semua langkah yang munasabah dan melakukan semua siasatan yang munasabah, perincian yang dinyatakan di dalam senarai akhir penerima penempatan dalam Subkaedah (a) di atas adalah tepat dan terbitan atau pelaksanaan penempatan mematuhi Kehendak-kehendak yang dinyatakan dalam Bab ini.
- (2) Maklumat mengenai beneficiari akhir sekuriti yang dikehendaki dalam Subkaedah (1) (a) di atas tidak perlu diserahkan untuk jenis penerima penempatan berikut:
- (a) institusi berkanun yang menguruskan dana kepunyaan orang awam;
- (b) skim unit amanah atau pelaburan kolektif yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; dan

- (c) skim pelaburan kolektif yang dibenarkan, diluluskan atau skim pelaburan berdaftar yang diperbadankan, dibentuk atau berdomisil di dalam bidang kuasa selain dari Malaysia dan dikawal selia oleh pihak berkuasa kawal selia dalam bidang kuasa itu, tertakluk kepada Penaja atau Penasihat perbadanan tersenarai, dalam kes yang berkenaan, mengesahkan kepada Bursa bahawa skim tersebut telah dibenarkan, diluluskan atau terdaftar.

**6.17 Hak Bursa untuk maklumat lanjut.**

Bursa mempunyai hak untuk menghendaki penyerahan maklumat lanjut mengenai terbitan atau pelaksanaan dan penerima penempatan jika perlu, untuk menentukan kesesuaian pelaksanaan dan kebebasan penerima penempatan tersebut.

**BAHAGIAN E – KEHENDAK TAMBAHAN BERKAITAN DENGAN TERBITAN HAK**

**6.18 [Dipotong]**

**6.19 Penajajaminan**

- (1) Pengaturan penajajaminan berhubung terbitan hak sekuriti adalah di atas budi bicara perbadanan tersenarai dan Penaja atau Penasihatnya.
- (2) Penaja atau Penasihat, dalam kes yang berkenaan, mestilah menjadi sebahagian daripada sindiket penajajaminan untuk sekuriti yang ditawarkan di bawah terbitan hak sekiranya terdapat suatu pengaturan penajajaminan.
- (3) Perbadanan tersenarai mesti menzahirkan di dalam surat pekelilingnya kepada pemegang syer
  - 
  - (a) tahap pelanggan minimum dan asas untuk menentukan tahap minimum berdasarkan faktor seperti tahap pendanaan yang dikehendaki oleh perbadanan tersenarai; dan
  - (b) tahap penajajaminan yang telah diatur, bersama-sama justifikasi untuk tahap yang diatur.
- (4) Jika tahap pelanggan minimum tidak dicapai, pelaksanaan terbitan hak sekuriti mesti ditamatkan dan balasan yang diterima mesti dikembalikan dengan serta merta kepada semua pelanggan.
- (5) Sekiranya pemegang syer tertentu ingin untuk membuat pelanggan sekuriti yang ditawarkan di bawah terbitan hak secara tak boleh batal, perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa
  - 
  - (a) pemegang syer mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk mengambil sekuriti, seperti yang ditentusahkan oleh pihak bebas yang boleh diterima, seperti Penaja atau Penasihat perbadanan tersenarai, dalam kes yang berkenaan; dan
  - (b) pemegang syer mempertimbangkan akibat dari terbitan hak berkenaan dengan Kod Pengambilalihan dan Percantuman, jika berkenaan.

**6.20 [Dipotong]**

#### **6.21 Terbitan hak mesti boleh ditolak**

Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa terbitan hak membenarkan penolakan sebahagian atau kesemua memihak kepada pihak ketiga pada opsyen pemegang sekuriti yang berhak.

#### **6.22 Menetapkan tarikh tutup buku untuk terbitan hak**

- (1) Perbadanan tersenarai tidak boleh menetapkan tarikh tutup buku untuk menentukan orang yang berhak untuk mengambil bahagian dalam terbitan hak sehingga ia telah -
  - (a) mendapat kelulusan Bursa untuk terbitan dan penyenaraian terbitan hak ;
  - (b) mendapat kelulusan pemegang syer dalam mesyuarat agung untuk terbitan hak; dan
  - (c) melaksanakan perjanjian penajajaminan, jika berkenaan.
- (2) Walau apa pun Subkaedah (1) (b) di atas, perbadanan tersenarai boleh menetapkan tarikh tutup buku sebelum mendapat kelulusan pemegang syer dengan syarat bahawa –
  - (a) pemegang syer perbadanan yang memegang lebih daripada 50% daripada jumlah bilangan syer mengundi di dalam perbadanan tersenarai telah memberikan aku janji bertulis secara tak boleh batal -
    - (i) untuk mengundi memihak kepada terbitan hak semasa mesyuarat agung; dan
    - (ii) bawanya mereka tidak akan melupuskan atau dengan cara lain mengurangkan pemegangan syer mereka kepada 50% atau lebih rendah dalam apa-apa cara sehingga selepas mesyuarat agung untuk meluluskan terbitan hak diadakan dan diluluskan dengan sewajarnya;
  - (b) perbadanan tersenarai telah menyerahkan kepada Bursa aku janji secara tak boleh batal pemegang syernya yang disebut dalam Subkaedah (a) di atas; dan
  - (c) perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa hari terakhir perdagangan berdasarkan hak bersamaan sekurang-kurangnya jatuh pada 1 hari pasaran selepas tarikh mesyuarat agung.

#### **6.23 Notis tarikh tutup buku untuk terbitan hak**

Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa tempoh dari tarikh tutup buku ia mengumumkan terbitan hak hingga ke tarikh tutup buku tidak kurang dari 10 hari pasaran.

#### **6.24 Jadual waktu untuk terbitan hak**

- (1) Perbadanan tersenarai mesti menetapkan tarikh tutup untuk penerimaan permohonan untuk dan penerimaan sekuriti baharu yang akan diterbitkan menurut terbitan hak (“**Sekuriti Hak**”) sekurang-kurangnya 11 hari pasaran selepas tarikh tutup buku.
- (2) Lampiran 6C menggambarkan jadual waktu untuk suatu terbitan hak.

#### **6.25 Pengumuman tarikh-tarikh penting berkaitan dengan terbitan hak**

- (1) Perbadanan tersenarai mesti, pada hari yang sama mengumumkan tarikh tutup buku untuk terbitan hak, mengumumkan semua tarikh-tarikh penting lain berkaitan dengan terbitan hak seperti berikut:
  - (a) tarikh permulaan perdagangan hak;

- (b) tarikh penghantaran prospektus ringkas dan borang pelanggan;
  - (c) tarikh pemberhentian perdagangan hak;
  - (d) tarikh akhir penerimaan;
  - (e) tarikh permohonan untuk Sekuriti Hak berlebihan;
  - (f) tarikh untuk pembayaran;
  - (g) tarikh pengumuman keputusan pelanggan akhir dan asas pengumpukan Sekuriti Hak berlebihan;
  - (h) tarikh Penyenaraian Sekuriti Hak;
  - (i) sama ada Sekuriti Hak akan disenaraikan dan disebut harga seperti sekuriti sedia ada dari kelas yang sama atau akan disebut harga secara berasingan pada tarikh penyenaraian. Sekiranya Sekuriti Hak akan di sebut harga secara berasingan pada tarikh penyenaraian, tentukan hak yang pemegang Sekuriti Hak yang tidak akan diberikan hak; dan
  - (j) tarikh-tarikh penting yang lain tersebut yang dianggap wajar oleh perbadanan tersenarai.
- (2) Perbadanan tersenarai mesti melaksanakan penjagaan rapi dan usaha wajar semasa mengumumkan tarikh-tarikh berkaitan yang dinyatakan dalam Subkaedah (1) di atas. Perbadanan tersenarai mesti mengumumkan kepada Bursa dengan serta merta -
- (a) sebarang perubahan kepada tarikh-tarikh penting yang berkaitan sebagaimana yang diumumkan menurut Subkaedah (1) di atas; atau
  - (b) sebarang peristiwa yang boleh mengakibatkan perbadanan tersenarai menjadi tidak dapat mematuhi tarikh-tarikh peting yang berkaitan yang diumumkan menurut Subkaedah (1) di atas, sebaik sahaja ia menyedari peristiwa tersebut,
- menyatakan perubahan dan sebab-sebab perubahan tersebut.

## 6.26 Prospektus Ringkas

Perbadanan tersenarai mesti mengumumkan kepada Bursa prospektus ringkas berkenaan dengan terbitan hak yang didaftarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan difaiklan dengan Pendaftar, sekurang-kurangnya 1 hari pasaran sebelum permulaan perdagangan hak.

## 6.27 Pengeluaran notis pengumpukan sementara

Perbadanan tersenarai mesti mengeluarkan kepada orang yang berhak dalam tempoh 2 hari pasaran, atau tempoh lain yang boleh diluluskan oleh Bursa selepas tarikh tutup buku -

- (a) notis pengumpukan sementara; dan
- (b) borang pelanggan hak .

**6.28 Ketersediaan borang pelanggan hak**

- (1) Walau apa pun Kaedah 6.09A, perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa salinan borang pelanggan hak yang mencukupi untuk membolehkan penerimaan hak adalah -
- (a) disediakan di pejabat pendaftarannya dan pejabat pendaftar syer; dan
  - (b) diberikan kepada setiap Organisasi Peserta.

- (2) [Dipotong]

**6.29 Pengumpukan sekuriti, penghantaran notis pengumpukan dan permohonan sebut harga berkenaan dengan terbitan hak**

Dalam tempoh 8 hari pasaran selepas tarikh tutup permohonan akhir untuk terbitan hak atau tempoh lain sebagaimana yang boleh ditetapkan atau dibenarkan oleh Bursa, perbadanan tersenarai mesti -

- (a) menerbitkan dan menumpukan Sekuriti Hak ;
- (b) menghantar notis pengumpukan kepada penerima pengumpukan; dan
- (c) memohon untuk sebut harga Sekuriti Hak .

**BAHAGIAN F – KEHENDAK TAMBAHAN BERKAITAN DENGAN TERBITAN BONUS****6.30 [Dipotong]****6.31 Kriteria untuk terbitan bonus**

- (1) [Dipotong]

(1A) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa syeranya yang diselaraskan untuk terbitan bonus tidak kurang dari RM0.20 berdasarkan harga syer purata berwajaran harian sepanjang tempoh 3 bulan sebelum tarikh permohonan.

(2) Perbadanan tersenarai yang melaksanakan terbitan bonus dengan cara permodalan juga mesti memastikan perkara berikut:

- (a) Sekiranya terbitan bonus akan dipermodalkan dari rizab hasil dari penilaian semula aset, hanya lebihan yang terhasil dari satu atau lebih berikut yang boleh dipermodalkan:
  - (i) penilaian semula pelaburan dalam subsidiari atau syarikat bersekutu. Berkenaan dengan ini, lebihan hasil daripada penilaian semula loji, mesin dan peralatan subsidiari atau syarikat bersekutu perbadanan tersenarai tidak boleh dipermodalkan; dan
  - (ii) penilaian semula harta tanah dengan syarat bahawa sekurang-kurangnya 20% daripada jumlah penilaian semula disimpan di dalam rizab penilaian semula setelah permodalan untuk terbitan bonus; dan

- (b) ia mempunyai rizab yang mencukupi untuk menampung terbitan permodalan. Sekiranya rizab untuk permodalan tidak berdasarkan pada penyata kewangan tahunan teraudit perbadanan tersenarai, rizab tersebut mesti ditentusahkan dan disahkan oleh juruaudit luar atau akauntan pelaporan perbadanan tersenarai. Jika pengesahan oleh juruaudit luar atau akauntan pelaporan dikehendaki, rizab untuk permodalan, yang boleh dilaraskan untuk peristiwa seterusnya, mesti berdasarkan penyata kewangan teraudit yang terkini atau laporan suku tahunan terkini, mana yang terkemudian.
- (3) [Dipotong]
- 6.32 Laporan penilaian untuk penilaian semula harta tanah**
- (1) Sekiranya terbitan bonus akan dipermodalkan dari rizab hasil dari penilaian semula harta tanah di bawah Kaedah 6.31 (2) (a) (ii), perbadanan tersenarai mesti -
    - (a) menyerahkan dengan serta merta 2 salinan laporan penilaian terhadap harta tanah berkenaan kepada Bursa dan satu salinan surat aku janji jurunilai dalam bentuk Lampiran 6D selepas perbadanan tersenarai mengumumkan terbitan bonus (jika ada) atau sebaik sahaja laporan penilaian tersedia. Dalam apa jua keadaan, perbadanan tersenarai mesti menyerahkan laporan penilaian bersama-sama surat aku janji jurunilai kepada Bursa sekurang-kurangnya 1 bulan sebelum ia mengeluarkan surat pekelilingnya berhubung terbitan bonus; dan
    - (b) memastikan bahawa tarikh penilaian yang menjadi asas perakuan penilaian yang termasuk di dalam surat pekeliling tidak lebih dari 6 bulan sebelum tarikh surat pekeliling dikeluarkan kepada pemegang syer.
  - (2) Perbadanan tersenarai dan jurunilainya mesti memastikan bahawa laporan penilaian yang diserahkan menurut Subkaedah (1) di atas mematuhi Kehendak-kehendak ini dan Garis Panduan Penilaian Aset Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
  - (3) Sekiranya perbadanan tersenarai atau jurunilai menyedari sebarang keadaan atau perubahan yang signifikan yang mempunyai atau akan mempunyai kesan material pada kandungan, kesahihan atau ketepatan laporan penilaianya sebelum tarikh pengeluaran surat pekeliling, jurunilai dan perbadanan tersenarai mesti menyebabkan laporan penilaian dikemas kini. Sekiranya perbadanan tersenarai gagal berbuat demikian, jurunilai itu mesti menarik balik persetujuannya untuk memasukkan laporan penilaian di dalam surat pekeliling.
  - (4) Walau apa pun Subkaedah (1) di atas, Bursa boleh, mengikut budi bicaranya dan pada bila-bila masa yang difikirkannya sesuai, dengan kos ditanggung oleh perbadanan tersenarai -
    - (a) mendapatkan pendapat kedua mengenai laporan penilaian yang diserahkan oleh perbadanan tersenarai dari jurunilai lain yang dilantik oleh Bursa.
    - (b) menghendaki perbadanan tersenarai melakukan penilaian pada mana-mana aset.
  - (5) Perbadanan tersenarai dan jurunilainya mesti mematuhi petunjuk, arahan atau syarat yang dikenakan oleh Bursa dan dalam rangka masa yang boleh ditentukan oleh Bursa.
  - (6) Bursa boleh merujuk mana-mana laporan penilaian yang diterima oleh Bursa kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk disemak. Perbadanan tersenarai dan jurunilainya mesti memberikan Bursa atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia secara menepati masa, apa-apa maklumat atau bantuan yang dikehendaki berhubung laporan penilaian .
  - (7) Bagi maksud Subkaedah 1(a), (2), (3) and (6) di atas, “**laporan penilaian**” termasuk satu perakuan penilaian.

**6.33 Pelaksanaan terbitan bonus berperingkat**

- (1) Perbadanan tersenarai boleh melaksanakan terbitan bonus berperingkat dalam suatu tempoh masa.
- (2) Perbadanan tersenarai mesti memasukkan maklumat yang dinyatakan dalam Bahagian A Lampiran 6A, dalam pengumuman pertamanya mengenai terbitan bonus kepada Bursa, jika berkenaan.
- (3) Perbadanan tersenarai mesti mengumumkan seterusnya setiap tarikh tutup buku menurut Kaedah 9.19 (1) dan dalam kes terbitan bonus dengan cara permodalan, termasuk pernyataan bahawa perbadanan tersenarai mempunyai rizab yang mencukupi untuk menampung terbitan permodalan itu di dalam pengumuman.

**6.34 Kedudukan terbitan bonus**

Sekuriti terbitan bonus mesti bertaraf pari passu dalam semua hal dengan sekuriti yang sedia ada dari kelas yang sama semasa penyenaraian.

**6.35 Menetapkan tarikh tutup buku untuk terbitan bonus**

Perbadanan tersenarai tidak boleh menetapkan tarikh tutup buku untuk menentukan orang yang berhak mengambil bahagian dalam terbitan bonus sehingga ia telah mendapatkan -

- (a) kelulusan Bursa untuk penyenaraian terbitan bonus; dan
- (b) kelulusan pemegang syer dalam mesyuarat agung untuk terbitan bonus.

**6.36 Pengumuman berhubung terbitan bonus sekuriti**

- (1) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa tempoh dari tarikh ia mengumumkan tarikh tutup buku untuk terbitan bonus hingga ke tarikh tutup buku tidak kurang dari 10 hari pasaran.
- (2) Perbadanan tersenarai mesti memasukkan yang berikut semasa mengumumkan tarikh tutup buku:
  - (a) jumlah maksimum sekuriti terbitan bonus yang boleh disenaraikan dan disebut harga; dan
  - (b) tarikh penyenaraian dan sebutan harga.
- (3) Dalam kes Terbitan Bonus Tidak Tertentu, sekiranya tarikh penyenaraian dan sebut harga yang disebut dalam Subkaedah (2)(b) di atas ("Tarikh Berkaitan") tidak dapat ditentukan semasa pengumuman tarikh tutup buku, perbadanan tersenarai mesti menyatakan bahawa Tarikh Berkaitan bergantung pada cadangan korporat lain diselesaikan atau menjadi tidak bersyarat.
- (4) Dalam kes Terbitan Bonus Tertentu, perbadanan tersenarai mesti, pada tarikh tutup buku, mengumumkan bilangan tepat sekuriti terbitan bonus yang akan disenaraikan dan disebut harga.
- (5) Dalam kes Terbitan Bonus Tidak Tertentu, dengan sera merta apabila cadangan korporat lain itu diselesaikan atau akan menjadi tidak bersyarat dan perbadanan tersenarai menyedari tentang atau menentukan Tarikh Berkaitan, perbadanan tersenarai mesti mengumumkan -
  - (a) bilangan tepat sekuriti terbitan bonus yang akan disenaraikan dan disebut harga; dan
  - (b) Tarikh Berkaitan, sekiranya belum diumumkan sebelum ini.

## BAHAGIAN G – KEHENDAK TAMBAHAN BERKAITAN DENGAN SKIM PENERBITAN SYER

### 6.37 [Dipotong]

### 6.38 Kelayakan dan peruntukan

- (1) Tertakluk kepada peruntukan yang dinyatakan dalam Subkaedah (2) dan (3) di bawah dan Kaedah 6.45, lembaga pengarah perbadanan tersenarai boleh menentukan kriteria kelayakan dan peruntukan di bawah Skim Penerbitan Syer.
- (2) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa penyertaan dalam skim ini terhad kepada pengarah dan pekerja kumpulan perbadanan tersenarai.
- (3) Perbadanan tersenarai juga mesti memastikan bahawa -
  - (a) pengarah dan pengurusan kanannya tidak mengambil bahagian dalam pertimbangan atau perbincangan mengenai peruntukan mereka sendiri; dan
  - (b) peruntukan kepada pengarah atau pekerja yang, sama ada secara berseorangan atau kolektif melalui orang yang berhubungan dengan pengarah atau pekerja, memegang 20% atau lebih jumlah bilangan syer yang diterbitkan (tidak termasuk syer perpendaharaan) perbadanan tersenarai, tidak melebihi 10% jumlah bilangan syer yang akan diterbitkan di bawah skim itu.
- (4) Bagi maksud Subkaedah (2) and (3) di atas, melainkan konteks menghendaki yang lain -
  - (a) "**kumpulan**" erti perbadanan tersenarai dan subsidiarinya yang aktif; dan
  - (b) "**orang yang berhubungan dengan pekerja**" mempunyai erti yang diberikan berkaitan orang yang berhubungan dengan pengarah atau pemegang syer utama sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Kaedah 1.01.

### 6.39 Bilangan syer

- (1) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa jumlah bilangan syer yang akan diterbitkan di bawah Skim Penerbitan Syer tidak melebihi 30% dari jumlah syer yang terbitannya (tidak termasuk syer perpendaharaan) dalam satu-satu masa.
- (2) Bagi maksud Subkaedah (1) di atas, jika perbadanan tersenarai membeli syernya sendiri atau melaksanakan cadangan korporat lain yang mengakibatkan jumlah bilangan syer yang akan diterbitkan di bawah skim melebihi ambang 30% dalam Subkaedah (1) di atas, tidak lagi opsyen yang boleh ditawarkan selanjutnya sehingga jumlah bilangan syer yang akan diterbitkan di bawah skim jatuh di bawah ambang 30% tersebut.

### 6.40 Penentuan harga

Harga yang perlu dibayar untuk syer di bawah Skim Penerbitan Syer mestilah -

- (a) untuk pemohon yang melaksanakan skim ini sebagai sebahagian daripada cadangan penyenaraianya, tidak kurang dari harga tawaran awam permulaan; atau
- (b) untuk perbadanan tersenarai, berdasarkan harga pasaran purata berwajaran 5 hari syer sandaran semasa opsyen ditawarkan, dengan diskaun tidak melebihi 10%.

**6.41 Tempoh**

Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa tempoh Skim Penerbitan Syer tidak melebihi 10 tahun.

**6.42 Penyelarasan**

Perbadanan tersenarai mesti mematuhi perkara yang berikut berkenaan dengan penyelarasan harga atau bilangan syer yang akan diterbitkan di bawah Skim Penerbitan Syer:

- (a) skim boleh memperuntukkan untuk penyelarasan harga pelanggan atau opsyen atau bilangan syer (tidak termasuk opsyen yang telah dilaksanakan) di bawah skim itu, sekiranya dalam hal terbitan permodalan, terbitan hak, terbitan bonus, penyatuan atau pembahagian kecil syer, pengurangan modal atau sebarang pengubahan modal lain;
- (b) apa-apa penyelarasan yang dibuat mesti mematuhi peruntukan untuk penyelarasan sebagaimana yang ditentukan dalam undang-undang kecil skim;
- (c) terbitan sekuriti sebagai pertimbangan untuk suatu pemerolehan, menurut terbitan khas atau tawaran swasta tidak boleh dianggap sebagai keadaan yang memerlukan penyelarasan tersebut; dan
- (d) penyelarasan selain daripada terbitan bonus, pembahagian kecil atau penyatuan syer mesti disahkan secara bertulis sama ada oleh juruaudit luar atau Penaja atau Penasihat, dalam kes yang berkenaan, perbadanan tersenarai.

**6.43 Undang-undang kecil**

- (1) Perbadanan tersenarai mesti memasukkan peruntukan yang ditetapkan dalam Lampiran 6E di dalam undang-undang kecil Skim Penerbitan Syer.
- (2) Perbadanan tersenarai mesti menyerahkan salinan akhir undang-undang kecil skim syer itu kepada Bursa bersama-sama surat pematuhan menurut Kaedah 2.12 dan senarai semak yang menunjukkan pematuhan dengan Lampiran 6E.

**6.44 Pelaksanaan**

- (1) Tarikh kuat kuasa pelaksanaan skim adalah tarikh pematuhan penuh dengan semua Kehendak-kehendak yang berkaitan dalam Bab ini termasuk -
  - (a) penyerahan salinan akhir undang-undang kecil skim tersebut kepada Bursa menurut Kaedah 6.43;
  - (b) penerimaan kelulusan atau kelulusan secara prinsip, dalam kes yang berkenaan, untuk penerbitan dan penyenaraian syer yang akan diterbitkan di bawah skim dari Bursa;
  - (c) perolehan kelulusan pemegang syer untuk skim;
  - (d) penerimaan kelulusan mana-mana pihak berkuasa lain yang berkaitan, jika berkenaan; dan
  - (e) pemenuhan apa-apa syarat yang dilampirkan kepada kelulusan di atas, jika ada.
- (2) Penaja atau Penasihat perbadanan tersenarai, dalam kes yang berkenaan, mesti menyerahkan satu pengesahan kepada Bursa mengenai pematuhan penuh menurut Subkaedah (1) di atas yang menyatakan tarikh kuat kuasa pelaksanaan bersama-sama satu

salinan yang diperakui benar, ketetapan berkaitan yang telah diluluskan oleh pemegang syer dalam mesyuarat agung.

- (3) Penyerahan pengesahan mesti dibuat selewat-lewatnya 5 hari pasaran selepas tarikh kuat kuasa pelaksanaan.

#### **6.45 Skim Penerbitan Syer selepas penyenaraian**

- (1) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa semua skim yang ia laksanakan yang melibatkan penerbitan syer kepada pekerja mematuhi perkara berikut:
  - (a) skim adalah diluluskan oleh pemegang syer perbadanan tersenarai dalam mesyuarat agung.
  - (b) ketetapan meluluskan skim tertentu dan merujuk sama ada kepada skim itu sendiri atau kepada ringkasan terma utamanya yang termasuk di dalam surat pekeliling yang mengandungi semua peruntukan yang dinyatakan dalam Lampiran 6E.
  - (c) melainkan syer yang tertakluk kepada skim itu adalah serupa dengan syer tersenarai lain, ia yang ditetapkan secara berasingan; dan
  - (d) jika pengarah perbadanan tersenarai adalah pemegang amanah skim atau berkepentingan, secara langsung atau tidak langsung, dalam skim itu, surat pekeliling tersebut mesti menzahirkan kepentingan itu.
  - (e) [Dipotong]
- (2) Subperenggan (1) tidak terpakai kepada pemohon yang melaksanakan Skim Penerbitan Syer sebagai sebahagian dari cadangan penyenaraian.

#### **6.46 Pengumpukan syer, penghantaran notis pengumpukan dan permohonan sebut harga berkenaan dengan Skim Penerbitan Syer**

Dalam tempoh 8 hari pasaran selepas tarikh penerimaan notis mengenai pelaksanaan opsyen bersama-sama pembayaran diperlukan atau tempoh lain sebagaimana yang boleh ditentukan atau dibenarkan oleh Bursa, perbadanan tersenarai mesti -

- (a) menerbit dan/atau menumpuk syer;
- (b) menghantar notis pengumpukan kepada pekerja perbadanan tersenarai; dan
- (c) memohon untuk sebutan harga syer tersebut.

### **BAHAGIAN G(A) – KEHENDAK TAMBAHAN BERKAITAN DENGAN SKIM PELABURAN SEMULA DIVIDEN**

#### **6.46A Bukan-permohonan**

- (1) [Dipotong]
- (2) Bahagian ini tidak terpakai untuk pengagihan dividen bukan tunai.

#### **6.46B Kelulusan pemegang syer**

Jika perbadanan tersenarai ingin melaksanakan Skim Pelaburan Semula Dividen, perbadanan tersenarai mesti -

- 
- (a) mengeluarkan surat pekeliling kepada pemegang syerna termasuk yang berikut:
    - (i) sama ada terdapat apa-apa implikasi cukai sekiranya pemegang syer memilih untuk melabur semula dividen tunai ke dalam syer baharu, atau pernyataan negatif yang sesuai;
    - (ii) sama ada pemegang syer yang memilih untuk melabur semula dividen tunai ke dalam syer baharu akan menerima lot ganjil; dan
    - (iii) pernyataan bahawa pemegang syer yang memilih untuk melabur semula dividen tunai ke dalam syer baharu di bawah skim boleh dikehendaki untuk mematuhi Kod Pengambilalihan dan Percantuman; dan
  - (b) mendapatkan kelulusan pemegang syer untuk skim.

**6.46C Kelayakan dan pemilihan hak**

- (1) Jika perbadanan tersenarai ingin melaksanakan Skim Pelaburan Semula Dividen, ia mesti membenarkan semua pemegang syerna yang berhak kepada dividen untuk mengambil bahagian dalam Skim Pelaburan Semula Dividen.
- (2) Perbadanan tersenarai mesti membenarkan pemegang syer tersebut untuk memilih sama ada untuk mengambil bahagian dalam Skim Pelaburan Semula Dividen dan memberi mereka sekurang-kurangnya 14 hari dari penghantaran notis pemilihan untuk menyerahkan notis pemilihan yang lengkap.
- (3) Perbadanan tersenarai mesti memasukkan dalam notis pemilihan pernyataan berikut:
  - (a) bahawa pemegang syer mesti memilih secara positif untuk mengambil bahagian dalam Skim Pelaburan Semula Dividen, dan untuk melabur semula dividen tunai mereka ke dalam syer baharu untuk hak dividen mereka;
  - (b) bahawa sekiranya tiada pemilihan dibuat, perbadanan tersenarai akan membayar dividen dalam bentuk tunai kepada pemegang syer yang berkenaan; dan
  - (c) bahawa pemegang syer boleh memilih untuk menerima hak sebahagiannya dalam bentuk tunai dan sebahagiannya dalam syer, atau kesemuanya dalam bentuk tunai atau syer.
- (4) Perbadanan tersenarai mesti memasukkan dalam pernyataan yang mengiringi notis pemilihan, maklumat berikut:
  - (a) pernyataan jumlah bilangan syer yang akan diterbitkan jika semua pemegang syer yang layak memilih untuk melabur semula dividen tunai mereka ke dalam syer baharu untuk kesemua hak mereka, dan peratusan bilangan itu mewakili dari jumlah bilangan syer yang diterbitkan (tidak termasuk syer perbendaharaan) pada tarikh tutup buku; dan
  - (b) bahawa sebarang hak perpecahan hasil dari pengumpukan syer baharu menurut skim itu akan diselesaikan secara tunai; dan
  - (c) prosedur untuk menyempurnakan notis pemilihan.

**6.46D Penetapan harga**

- 
- (1) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa pengumpukan syer menurut Skim Pelaburan Semula Dividen tidak berharga lebih dari diskaun 10% kepada harga pasaran purata berwajaran syer untuk 5 hari pasaran sejurus sebelum tarikh penetapan harga.
  - (2) Perbadanan tersenarai mesti mengumumkan harga terbitan syer sebelum atau semasa mengumumkan kepada Bursa keinginannya untuk menetapkan tarikh tutup buku di bawah Kaedah 9.19(1).

## **BAHAGIAN H – KEHENDAK TAMBAHAN BERKAITAN DENGAN TERBITAN SEKURITI HUTANG DAN SYER KEUTAMAAN BOLEH TEBUS**

### **6.47 Kehendak berkaitan dengan sekuriti hutang**

Perbadanan tersenarai yang ingin menyenaraikan sekuriti hutang juga mesti mematuhi Bab 4B Kehendak-kehendak Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, sebagai tambahan kepada yang dinyatakan dalam Bahagian E Bab ini, jika berkenaan.

*[Rujukan silang : Nota Panduan 17]*

#### **6.47A Kehendak berkaitan dengan syer keutamaan boleh tebus**

Perbadanan tersenarai yang ingin menyenaraikan syer keutamaan boleh tebus juga mesti mematuhi Bahagian E Bab ini, jika berkenaan.

*[Rujukan silang: Nota Panduan 17]*

#### **6.48 [Dipotong]**

#### **6.49 Pengumuman berkaitan dengan terbitan sekuriti hutang**

Sebagai tambahan kepada maklumat yang dinyatakan dalam Bahagian A Lampiran 6A, perbadanan tersenarai mesti memasukkan maklumat yang dinyatakan dalam Bahagian B Lampiran 6A dalam pengumumannya kepada Bursa berkaitan dengan cadangan terbitan sekuriti hutang.

## **BAHAGIAN I – KEHENDAK TAMBAHAN BERKAITAN DENGAN TERBITAN SEKURITI BOLEH TUKAR**

### **6.50 Kehendak berkaitan dengan sekuriti boleh tukar**

- (1) Perbadanan tersenarai yang ingin menerbitkan sekuriti boleh tukar juga mesti mematuhi peruntukan dalam Bahagian E Bab ini, jika berkenaan.

*[Rujukan silang: Nota Panduan 17]*

- (2) Melainkan ditentukan dengan cara lain oleh Bursa, "**sekuriti ekuiti boleh tukar**" dalam Bahagian I ini merujuk kepada waran dan syer keutamaan boleh tukar.

---

**6.51 Jumlah maksimum syer baharu yang dibenarkan dari pelaksanaan sekuriti ekuiti boleh tukar**

Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa bilangan syer baharu hasil dari pelaksanaan atau penukaran semua sekuriti ekuiti boleh tukar belum jelas, tidak melebihi 50% jumlah bilangan syer yang diterbitkan perbadanan tersenarai (tidak termasuk syer perbendaharaan dan sebelum pelaksanaan sekuriti ekuiti boleh tukar) pada sepanjang masa.

**6.51A Terbitan bonus sekuriti ekuiti boleh tukar**

Perbadanan tersenarai yang membuat terbitan bonus sekuriti ekuiti boleh tukar juga mesti mematuhi Bahagian F Bab ini kecuali Kaedah 6.31, 6.32 dan 6.34.

**6.52 Pemegang sekuriti boleh tukar**

Perbadanan tersenarai yang ingin memohon untuk penyenaraian sekuriti boleh tukarnya mesti mempunyai sekurang-kurangnya 100 pemegang sekuriti tersebut masing-masing memegang tidak kurang daripada 1 lot dagangan sekuriti boleh tukar.

**6.53 Pengumuman berkaitan dengan terbitan sekuriti boleh tukar**

Sebagai tambahan kepada maklumat yang dinyatakan dalam Bahagian A Lampiran 6A, perbadanan tersenarai mesti memasukkan maklumat yang dinyatakan dalam Bahagian C Lampiran 6A dalam pengumumannya kepada Bursa berkaitan dengan cadangan terbitan sekuriti boleh tukar, jika berkenaan.

**6.54 Surat pekeliling berkaitan dengan terbitan sekuriti boleh tukar**

- (1) Sebagai tambahan kepada maklumat yang dinyatakan dalam Bahagian A Lampiran 6B, perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa pekeliling kepada pemegang sekuriti perbadanan tersenarai untuk mendapatkan kelulusan pemegang sekuriti berkenaan dengan terbitan sekuriti boleh tukar, termasuk maklumat yang dinyatakan dalam Bahagian B Lampiran 6B.
- (2) Surat pekeliling draf mesti diserahkan kepada Bursa untuk diteliti bersama-sama senarai semak yang menunjukkan pematuhan dengan Bahagian A dan B Lampiran 6B.

**6.55 Surat ikatan pol dan surat ikatan amanah hendaklah mematuhi Kehendak**

- (1) Perbadanan tersenarai mesti memberikan kepada Bursa surat pematuhan menurut Kaedah 2.12 bersama-sama surat ikatan pol atau surat ikatan amanah, dalam kes yang berkenaan.
- (2) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa surat ikatan pol atau surat ikatan amanah termasuk pelbagai peruntukan yang dinyatakan dalam Lampiran 6F.
- (3) Surat ikatan pol atau surat ikatan amanah mesti tidak termasuk apa-apa peruntukan untuk –
  - (a) pelanjutan atau pemendekan tempoh sekuriti boleh tukar; atau
  - (b) perubahan pada bilangan syer diterima untuk pelaksanaan atau pertukaran setiap sekuriti boleh tukar atau perubahan pada mekanisme penetapan harga untuk pelaksanaan atau harga pertukaran sekuriti boleh tukar, kecuali jika perubahan ini

---

adalah penyelarasan berikutan terbitan permodalan, terbitan hak, terbitan bonus, penyatuan atau pembahagian kecil syer atau pelaksanaan pengurangan modal.

- (4) Subkaedah (3) di atas tidak terpakai untuk sekuriti hutang.

#### **6.56 Pengubahan atau penyelarasan kepada terma**

Perbadanan tersenarai boleh membuat pengubahan atau penyelarasan kepada terma sekuriti boleh tukar semasa tempoh sekuriti hanya jika pengubahan atau penyelarasan tersebut -

- (a) telah diperuntukkan dalam surat ikatan pol atau surat ikatan amanah yang mengawal selia sekuriti;
- (b) tidak berkaitan dengan peruntukan yang dinyatakan dalam Kaedah 6.55(3) di atas.

#### **6.57 Sekuriti turutan**

- (1) Jika perbadanan tersenarai ingin menerbitkan sekuriti boleh tukar yang timbul dari penyelarasan disebabkan terbitan sekuriti atau pembahagian kecil atau penyatuan syer (masing-masing disebut sebagai "**sekuriti turutan**" dan "**sekuriti utama**") -
  - (a) sekuriti turutan itu mesti disenaraikan dan disebut harga secara serentak dengan sekuriti utama;
  - (b) perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa tempoh dari tarikh ia mengumumkan tarikh tutup buku untuk sekuriti turutan hingga ke tarikh tutup buku tidak kurang dari 10 hari pasaran; dan
  - (c) perbadanan tersenarai mesti menyerahkan permohonan penyenaraian tambahan menurut Nota Panduan 17.
- (2) Jika sekuriti turutan disebabkan oleh -
  - (a) terbitan bonus sekuriti; atau
  - (b) Pembahagian kecil Tertentu atau Penyatuan Tertentu;perkara berikut terpakai:
  - (i) perbadanan tersenarai tidak perlu menyerahkan kepada Bursa apa-apa permohonan sebut harga sekuriti turutan;
  - (ii) bila mengumumkan tarikh tutup buku, perbadanan tersenarai mesti memasukkan -
    - (aa) bilangan maksimum sekuriti turutan yang boleh disenaraikan dan disebut harga; dan
    - (bb) tarikh penyenaraian dan sebutan harga; dan
  - (iii) perbadanan tersenarai mesti, pada tarikh tutup buku, mengumumkan kepada Bursa bilangan tepat sekuriti turutan yang akan disenaraikan dan disebut harga.
- (3) Jika sekuriti turutan bukan disebabkan Terbitan Bonus Tertentu -

- (a) berhubung pengumuman yang disebut dalam Subkaedah 2 (ii) di atas, sekiranya tarikh penyenaraian dan sebutan harga ("**Tarikh Berkaitan**") tidak dapat ditentukan pada masa ini, perbadanan tersenarai mesti menyatakan bahawa Tarikh Berkaitan bergantung pada cadangan korporat lain yang diselesaikan atau menjadi tidak bersyarat;
- (b) sub-Kaedah 2(iii) di atas tidak terpakai; dan
- (c) sebaik sahaja cadangan korporat lain diselesaikan atau menjadi tidak bersyarat dan perbadanan tersenarai menyedari atau menentukan Tarikh Berkaitan, perbadanan tersenarai mesti mengumumkan kepada Bursa -
  - (i) bilangan tepat sekuriti turutan yang akan disenaraikan dan disebut harga; dan
  - (ii) Tarikh Berkaitan, jika belum diumumkan sebelum ini.

#### **6.58 Notis pertukaran atau pelaksanaan**

Perbadanan tersenarai mesti memasukkan yang berikut dalam notis pertukaran atau pelaksanaan berkenaan dengan sekuriti boleh tukar:

- (a) nama penuh sekuriti;
- (b) tarikh matang;
- (c) harga pertukaran atau pelaksanaan;
- (d) tempoh pertukaran atau pelaksanaan;
- (e) prosedur pertukaran atau pelaksanaan sekuriti;
- (f) kaedah pembayaran harga pelaksanaan; dan
- (g) olahan sekuriti pada tarikh matang.

#### **6.59 Pengumpukan sekuriti, penghantaran notis pengumpukan dan permohonan sebut harga berkenaan dengan pertukaran atau pelaksanaan**

Dalam tempoh 8 hari selepas tarikh penerimaan borang pertukaran atau pelaksanaan bersama-sama pembayaran diperlukan atau tempoh lain sebagaimana yang boleh ditentukan atau dibenarkan oleh Bursa, perbadanan tersenarai mesti -

- (a) menerbitkan dan/atau menumpukan sekuriti yang berbangkit daripada pertukaran atau pelaksanaan sekuriti boleh tukar;
- (b) menghantar notis pengumpukan kepada pemegang sekuriti boleh tukar; dan
- (c) memohon untuk sebutan harga sekuriti tersebut.

#### **BAHAGIAN J – PELAKSANAAN CADANGAN**

##### **6.60 Tarikh akhir pelaksanaan**

- (1) Tertakluk pada Subkaedah (2) di bawah ini, perbadanan tersenarai mesti menyempurnakan pelaksanaan satu cadangan berkaitan dengan penerbitan sekuriti (“**Cadangan Penerbitan**”) dalam tempoh 6 bulan dari tarikh permohonan penyenaraian diluluskan oleh Bursa.
- (2) Untuk kes yang melibatkan prosiding mahkamah, perbadanan tersenarai mempunyai tempoh sehingga 12 bulan dari tarikh permohonan penyenaraian yang diluluskan oleh Bursa untuk menyempurnakan pelaksanaan Cadangan Penerbitan.
- (3) Jika perbadanan tersenarai telah menyerahkan satu permintaan untuk menyemak keputusan Bursa, tempoh untuk menyempurnakan pelaksanaan Cadangan Penerbitan akan bermula dari tarikh di mana keputusan semakan tersebut disampaikan kepada perbadanan tersenarai.
- (4) Sekiranya perbadanan tersenarai gagal menyempurnakan pelaksanaan Cadangan Penerbitan dalam tempoh yang ditentukan di atas, kelulusan Bursa yang diberikan berkenaan dengan Cadangan Penerbitan akan luput.

#### **6.61 Pelanjutan masa pelaksanaan**

- (1) Bursa boleh, atas permohonan perbadanan tersenarai, dalam kes yang luar biasa memberikan pelanjutan masa kepada perbadanan tersenarai untuk menyempurnakan Cadangan Penerbitan. Perbadanan tersenarai mesti memohon pelanjutan melalui Penaja atau Penasihatnya, dalam kes yang berkenaan, selewat-lewatnya 14 hari sebelum kelulusan Bursa untuk permohonan penyenaraian luput. Perbadanan tersenarai mesti mempunyai justifikasi penuh untuk permohonannya.
- (2) Semua permohonan pelanjutan masa untuk menyempurnakan Cadangan Penerbitan di bawah Kaedah ini mesti disertakan dengan surat pengesahan oleh para pengarah perbadanan tersenarai bahawa, kecuali yang dizahirkan, tidak terdapat perubahan atau perkembangan material dalam keadaan dan maklumat berkaitan dengan Cadangan Penerbitan.
- (3) Jika kelulusan Bursa tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang mesti dipenuhi dalam tempoh masa tertentu, mana-mana permohonan pelanjutan masa untuk memenuhi syarat mesti mempunyai justifikasi penuh dan selewat-lewatnya 14 hari sebelum peluputan tempoh yang Tertentu.

#### **6.62 Kewajipan pasca-pelaksanaan**

- (1) Perbadanan tersenarai dan Penaja atau Penasihatnya, mesti memberitahu Bursa tarikh penyempurnaan untuk semua Cadangan Penerbitan yang diluluskan.
- (2) Perbadanan tersenarai dan Penaja atau Penasihatnya, mesti memberikan Bursa pengesahan bertulis mengenai pematuhan terhadap terma dan syarat kelulusan Bursa sebaik sahaja Cadangan Penerbitan telah disempurnakan.
- (3) Perbadanan tersenarai dan Penaja atau Penasihatnya, mesti menyerahkan angka-angka sebenar sebaik sahaja ditentukan jika harga terbitan indikatif atau bilangan sekuriti yang akan diterbitkan diberikan dalam permohonan penyenaraian untuk Cadangan Penerbitan.

[Bab tamat]

**Lampiran 6A**  
**Kandungan pengumuman untuk terbitan baharu sekuriti**

---

**Lampiran 6A****Bahagian A****Kandungan pengumuman untuk terbitan baharu sekuriti**  
(Kaedah 6.08(1), 6.33(2), 6.49 and 6.53)**PERINCIAN MENGENAI CADANGAN**

- (1) Bilangan dan jenis sekuriti yang akan diterbitkan.
- (2) Orang yang akan menerima pengumpukan atau terbitan baharu sekuriti
- (3) Asas pengumpukan, jika berkenaan.
- (4) Harga terbitan baharu sekuriti, asas penentuan harga terbitan dan justifikasi harga.
- (5) Kedudukan terbitan baharu sekuriti.
- (6) Sama ada penyenaraian ingin dipohon untuk terbitan baharu sekuriti.
- (7) Jika berkenaan, tahap pelanggan minimum dan asas penentuan tahap pelanggan minimum.
- (8) Dalam kes terbitan bonus -
  - (a) perincian rizab yang akan dipermodalkan untuk penerbitan bonus jika berkenaan;
  - (b) pernyataan bahawa rizab yang diperlukan untuk permodalan terbitan bonus mematuhi Kaedah 6.31 (2) (b) Kehendak-kehendak ini jika berkenaan;
  - (c) Jika terbitan bonus akan dibuat berperingkat dalam tempoh tertentu, perincian yang berkaitan termasuk -
    - (i) tempoh pelanjutan pelaksanaan;
    - (ii) tarikh tutup buku tentatif;
    - (iii) kesan terbitan bonus terhadap rizab, jika berkenaan;
    - (iv) [Dipotong]
    - (v) pernyataan mengenai potensi kesan harga dari pelaksanaan berperingkat; dan
    - (vi) rasional/justifikasi pelaksanaan terbitan bonus secara berperingkat; dan
  - (d) bilangan syer sebelum dan selepas terbitan bonus.
- (9) Dalam kes terbitan dan penempatan sekuriti berperingkat dalam tempoh tertentu, perincian yang berkaitan mengenainya termasuk rasional atau justifikasi.
- (10) Dalam kes Skim Penerbitan Syer, tempoh skim, asas menentukan pelaksanaan harga dan kelayakan.
- (11) Jika perbadanan tersenarai ingin melaksanakan lebih daripada 1 Skim Saham Pekerja, maklumat berhubung Skim Saham Pekerja yang berikut:

**Lampiran 6A**  
**Kandungan pengumuman untuk terbitan baharu sekuriti**

---

- (a) bilangan skim semasa yang sedia ada;
- (b) maklumat berhubung opsyen atau syer yang diberikan kepada pengarah di bawah semua skim yang sedia ada berikut :
  - (i) opsyen agregat atau syer yang diberikan sejak permulaan skim;
  - (ii) opsyen yang dilaksanakan atau syer yang diletak hak agregat sejak permulaan skim; dan
  - (iii) opsyen atau syer agregat belum jelas; dan
- (c) untuk setiap skim sedia ada –
  - (i) butiran ringkas setiap skim termasuk tarikh luput, penerima berkelayakan, bilangan dan peratusan maksimum dari jumlah syer yang diterbitkan atau diletak hak di bawah skim, jumlah bilangan syer yang diberikan, dan jumlah bilangan opsyen dilaksanakan atau syer diletak hak; dan
  - (ii) peruntukan maksimum agregat kepada pengarah dan pengurusan kanan dalam peratusan, dan peratusan sebenar yang diberikan kepada mereka.

**RASIONAL DAN JUSTIFIKASI UNTUK CADANGAN**

- (12) Tujuan terbitan baharu sekuriti.
- (13) Justifikasi untuk memulakan penerbitan baharu sekuriti daripada opsyen lain yang tersedia.
- (14) Dalam kes terbitan baharu sekuriti untuk tujuan penubuhan tabung, perincian pelaksanaan penubuhan tabung ekuiti yang dilaksanakan dalam 12 bulan yang lepas sebelum pengumuman terbitan baharu sekuriti, termasuk -
  - (a) penerangan mengenai pelaksanaan penubuhan tabung ekuiti;
  - (b) jumlah hasil yang diperoleh; dan
  - (c) perincian dan status penggunaan hasil.

Jika tiada, pernyataan negatif untuk hal itu.

**PENGGUNAAN HASIL**

- (15) Hasil kasar dari terbitan sekuriti dan pernyataan terperinci berkenaan dengan penggunaan hasil tersebut, jika berkenaan.
- (16) Jika hasil dari terbitan baharu sekuriti akan digunakan untuk -
  - (a) perniagaan sedia ada kumpulan perbadanan dari perbadanan tersenarai; atau
  - (b) perniagaan baharu yang akan diperoleh atau dilaksanakan,

satu penerangan dan gambaran industri di mana kumpulan perbadanan dari perbadanan tersenarai beroperasi atau akan beroperasi dan prospek perniagaan berdasarkan gambaran industri.

**Lampiran 6A**  
**Kandungan pengumuman untuk terbitan baharu sekuriti**

---

- (17) Jika penerbitan sekuriti atau hasil digunakan untuk perolehan aset atau kepentingan, maklumat yang berkaitan mengenai transaksi seperti dikehendaki di bawah Lampiran 10A Kehendak-kehendak ini jika perolehan tersebut termasuk dalam lingkungan Bab 10 Kehendak-kehendak ini dan pengumuman dikehendaki menurut Bab 10.

**KESAN DARI CADANGAN**

- (18) Kesan dari terbitan baharu sekuriti kepada yang berikut, dalam bentuk jadual:
- (a) modal syer (untuk menunjukkan kesan bagi setiap cadangan);
  - (b) aset bersih sesyer berdasarkan penyata kewangan penyatuan teraudit yang terkini (untuk menunjukkan kesan bagi setiap cadangan);
  - (c) pendapatan sesyer kumpulan;
  - (d) struktur pemegangan syer substansial (untuk menunjukkan kesan bagi setiap cadangan);
  - (e) penggearan, jika berkenaan; dan
  - (f) sebarang sekuriti boleh tukar sedia ada.

**KELULUSAN YANG DIKEHENDAKI**

- (19) Kelulusan yang dikehendaki untuk terbitan baharu dan anggaran rangka masa penyerahan permohonan kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

**KEPENTINGAN PENGARAH, PEMEGANG SYER UTAMA, KETUA EKSEKUTIF DAN ORANG YANG BERHUBUNGAN**

- (20) Sama ada pengarah, pemegang syer utama, ketua eksekutif atau orang yang berhubungan dengannya mempunyai apa-apa kepentingan, langsung atau tidak langsung, dalam terbitan itu.

**RANGKA MASA UNTUK PEYEMPURNAAN / PELAKSANAAN**

- (21) Anggaran rangka masa untuk penyempurnaan terbitan baharu sekuriti.

**MAKLUMAT LANJUT / TAMBAHAN**

- (22) Jika mandat untuk terbitan sekuriti yang ingin dipohon, pernyataan sama ada mandat tersebut adalah pembaharuan dan perincian mengenai mandat sebelumnya.

**Bahagian B**

**Kandungan tambahan pengumuman berhubung sesuatu terbitan sekuriti hutang**  
(Kaedah 6.49)

- (1) Kadar faedah dan tarikh pembayaran faedah.
- (2) Tarikh terbitan dan tarikh matang.

**Lampiran 6A**  
**Kandungan pengumuman untuk terbitan baharu sekuriti**

---

- (3) Kaedah penebusan.
- (4) Sama ada dijamin atau dicagar, dan jika demikian, perincian mengenai jaminan atau cagaran tersebut.
- (5) Kedudukan terbitan.
- (6) Ringkasan terma terbitan lain yang material.

**Bahagian C**

**Kandungan tambahan pengumuman berhubung sesuatu terbitan sekuriti boleh tukar**  
(Kaedah 6.53)

- (1) Harga pertukaran atau pelaksanaan dan asas penentuan harga pertukaran atau pelaksanaan.
- (2) Tempoh pertukaran atau pelaksanaan.
- (3) Mekanisme langkah menaik atau langkah menurun harga (jika ada), jumlah langkah menaik atau langkah menurun dan rangka masa untuk pelaksanaan atau penyelarasan harga pertukaran.
- (4) Bilangan sekuriti baharu yang akan diterbitkan semasa pelaksanaan atau pertukaran penuh.
- (5) Ringkasan terma terbitan yang material.
- (6) Jika berkenaan, semua peruntukan untuk perubahan di dalam terma sekuriti boleh tukar semasa tempoh sekuriti.
- (7) Penggunaan hasil masa hadapan dari pertukaran atau pelaksanaan.

[Lampiran tamat]

**LAMPIRAN 6B****Bahagian A****Kandungan pekeliling berhubung sesuatu terbitan baharu sekuriti**

(Kaedah 6.09(1) and 6.54(1))

**MUKA HADAPAN**

- (1) Tajuk yang menarik perhatian terhadap kepentingan surat pekeliling dan menasihati pemegang sekuriti yang ragu-ragu mengenai tindakan apa yang harus diambil untuk berunding dengan penasihat bebas yang sesuai.
- (2) Pernyataan bahawa surat pekeliling tersebut telah disemak oleh Penaja atau Penasihat perbadanan tersenarai, dalam kes yang berkenaan.
- (3) Pernyataan bahawa Bursa Malaysia Securities Berhad tidak bertanggung jawab kepada kandungan surat pekeliling, perakuan penilaian dan laporan jika ada, tidak membuat perwakilan mengenai ketepatan atau kelengkapannya dan dengan jelas menolak sebarang liabiliti untuk apa-apa kerugian yang berbangkit dari atau bergantung pada keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungan surat pekeliling. Berhubung surat pekeliling yang belum diteliti oleh Bursa Malaysia Securities Berhad sebelum penerbitannya, pernyataan untuk hal itu.

**PENGENALAN**

- (4) Tujuan surat pekeliling.

**PERINCIAN MENGENAI CADANGAN**

- (5) Butir-butir, terma dan syarat-syarat terbitan dan tarikh terbitan baharu sekuriti telah diumumkan.
- (6) Bilangan dan jenis sekuriti yang akan diterbitkan.
- (7) Orang yang akan menerima pengumpukan atau terbitan baharu sekuriti.
- (8) Asas pengumpukan, jika berkenaan.
- (9) Harga terbitan baharu sekuriti, asas penentuan harga terbitan dan justifikasi penentuan harga.
- (10) Kedudukan terbitan baharu sekuriti dan olahan sebarang pecahan.
- (11) Sama ada penyenaraian ingin dipohon untuk terbitan baharu sekuriti.
- (12) Jika berkenaan, aku janji pemegang sekuriti yang menyatakan bahagian terbitan baharu sekuriti yang pemegang sekuriti telah berikan aku janji bertulis secara tak boleh batal untuk melangkan hak mereka sepenuhnya, termasuk -
  - (a) nama-nama pemegang sekuriti;
  - (b) bilangan dan peratusan terbitan syer sedia ada yang dipegang oleh mereka dalam perbadanan tersenarai; dan
  - (c) bilangan dan peratusan sekuriti yang mereka berhak di bawah terbitan baharu sekuriti.

**Lampiran 6B**  
**Kandungan surat pekeliling untuk terbitan baharu sekuriti**

---

- (13) Jika pemegang sekuriti telah melanggar sekuriti tersebut secara tak boleh batal dan jika berkenaan, permohonan lebihan –
- a) pernyataan bahawa pemegang sekuriti telah mengesahkan bahawa mereka mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk mengambil sekuriti dan pengesahan tersebut telah ditentusahkan oleh pihak bebas yang boleh diterima seperti Penaja atau Penasihat, dalam kes yang berkenaan; dan
  - b) pernyataan mengenai akibat dari pelanggaran sekuriti perbadanan tersenarai dan pemegang sekuritinya berkenaan dengan Kod Pengambilalihan dan Percantuman.
- (14) Jika berkenaan, tahap minimum pelanggan dan asas penentuan tahap minimum pelanggan. Sekiranya tahap minimum tidak tercapai, nyatakan kesan terhadap cadangan dan pelan alternatif (jika ada).
- (15) Pernyataan sama ada terbitan baharu sekuriti akan dilaksanakan penajajaminan dan bilangan dan peratusan sekuriti yang dilaksanakan penajajaminan. Jika pengaturan penajajaminan telah dimeterai, perincian pengaturan penajajaminan, termasuk -
- (a) nama pengunderait;
  - (b) komisen penajajaminan dan pihak yang akan menanggungnya;
  - (c) apa-apa peruntukan yang membenarkan pengunderait untuk menarik diri dari kewajipan menurut perjanjian penajajaminan dan/atau menamatkan perjanjian penajajaminan.
- (16) Dalam kes terbitan bonus -
- (a) perincian mengenai rizab yang akan dipermudahkan untuk terbitan bonus termasuk jumlah yang akan dipermudahkan dan jumlah yang terdapat dalam akaun tersebut, jika berkenaan;
  - (b) pernyataan bahawa rizab yang diperlukan untuk permodalan terbitan bonus mematuhi Kaedah 6.31 (2)(b) dan bahawa rizab tersedia telah disahkan oleh juruaudit luar atau akauntan pelaporan, jika berkenaan;
  - (c) jika rizab yang akan dipermudahkan hasil dari penilaian semula harta tanah -
    - (i) nama jurunilai bebas berdaftar;
    - (ii) tarikh dan kaedah penilaian;
    - (iii) perakuan penilaian yang mesti mengandungi semua butir-butir dan maklumat mengenai harta tanah yang dinilai selaras dengan Garis Panduan Penilaian Aset Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; dan
    - (iv) pernyataan bahawa laporan penilaian dan perakuan penilaian tersedia untuk pemeriksaan;
  - (d) jika penilaian pendapat kedua telah diperoleh, angka untuk penilaian asal dan penilaian pendapat kedua;
  - (dA) pernyataan bahawa terbitan bonus mematuhi Kaedah 6.31 (1A);
  - (e) jika terbitan bonus akan dibuat berperingkat dalam tempoh tertentu, perincian yang berkaitan mengenai yang sama termasuk -

**Lampiran 6B**  
**Kandungan surat pekeliling untuk terbitan baharu sekuriti**

---

- (i) tempoh pelanjutan pelaksanaan;
  - (ii) tarikh tutup buku tentatif;
  - (iii) kesan terbitan bonus pada rizab;
  - (iv) [Dipotong]
  - (v) pernyataan yang menarik perhatian pemegang sekuriti terhadap pelaksanaan terbitan bonus berperingkat dan potensi kesan harga dari pelaksanaan berperingkat; dan
  - (vi) rasional atau justifikasi pelaksanaan terbitan bonus berperingkat; dan
  - (f) bilangan syer sebelum dan selepas terbitan bonus.
- (17) Dalam kes terbitan dan penempatan sekuriti berperingkat untuk tempoh tertentu, perincian yang berkaitan termasuk rasional atau justifikasi.
- (18) Dalam kes Skim Penerbitan Syer -
- (a) maklumat yang dinyatakan dalam Lampiran 6E;
  - (b) jika berkenaan, rasional untuk memanjangkan penyertaan dalam skim syer kepada pengarah bukan eksekutif;
  - (c) sasaran prestasi, jika ada, yang mesti dicapai sebelum opsyen dapat dilaksanakan atau syer boleh diletak hak, dan jika tiada, pernyataan negatif untuk hal itu;
  - (d) potensi kos kepada perbadanan tersenarai berikutkan pemberian opsyen atau syer di bawah skim;
  - (e) peruntukan maksimum agregat dalam peratusan kepada pengarah dan pengurusan kanan di bawah skim;
  - (f) Jika perbadanan tersenarai ingin melaksanakan lebih daripada 1 Skim Saham Pekerja, maklumat berhubung Skim Saham Pekerja yang berikut:
    - (i) bilangan skim semasa sedia ada;
    - (ii) maklumat berhubung opsyen atau syer yang diberikan kepada pengarah di bawah semua skim sedia ada yang berikut:
      - (aa) opsyen atau syer agregat yang diberikan sejak permulaan skim;
      - (bb) opsyen agregat yang dilaksanakan atau syer yang diletak hak sejak permulaan skim;
      - (cc) opsyen atau syer agregat belum jelas;
    - (iii) untuk setiap skim sedia ada –
      - (aa) butiran ringkas setiap skim termasuk tarikh luput, penerima berkelayakan, bilangan atau peratusan maksimum semua syer yang diterbitkan atau diletak hak di bawah skim, jumlah bilangan syer yang

**Lampiran 6B**  
**Kandungan surat pekeliling untuk terbitan baharu sekuriti**

---

- diberikan, dan jumlah bilangan opsyen dilaksanakan atau syer diletak hak; dan
- (bb) peruntukan maksimum agregat kepada pengarah dan pengurusan kanan dalam peratusan, dan peratusan sebenar yang diberikan kepada mereka;
  - (g) Jika pengarah perbadanan tersenarai mempunyai kepentingan langsung atau tidak langsung dalam skim, perincian kepentingan tersebut;
  - (h) sama ada peruntukan tersedia akan laksanakan berperingkat sepanjang tempoh skim, dan -
    - (i) jika ya, peruntukan maksimum sedia ada untuk setiap tahun kewangan sepanjang tempoh skim;
    - (ii) jika tidak, sebab-sebab kenapa tidak; dan
  - (i) sama ada terdapat apa-apa tempoh penempatan hak untuk opsyen atau syer yang diberikan di bawah skim.
- (19) Dalam kes terbitan syer atau sekuriti boleh tukar tidak berdasarkan pro rata menurut Kaedah 6.06, butir-butir orang yang akan menerima sekuriti yang akan diterbitkan termasuk yang berikut:
- (a) sekiranya orang tersebut adalah suatu perbadanan, nama pengarah dan pemegang syer substansial bersama-sama pegangan syer langsung dan/atau tidak langsung masing-masing, atau pautan tapak web kepada maklumat tersebut jika perbadanan itu adalah institusi berkanun yang menguruskan dana kepunyaan awam; dan
  - (b) jumlah sekuriti kepada setiap penerima penempatan.

**RASIONAL DAN JUSTIFIKASI UNTUK CADANGAN**

- (20) Tujuan terbitan baharu sekuriti.
- (21) Justifikasi untuk memulakan terbitan baharu sekuriti daripada opsyen lain yang tersedia.
- (22) Dalam kes terbitan baharu sekuriti bagi tujuan penubuhan tabung, perincian mengenai pelaksanaan penubuhan tabung ekuiti dilakukan dalam 12 bulan lepas sebelum pengumuman terbitan baharu sekuriti, termasuk -
  - (a) penerangan mengenai pelaksanaan penubuhan tabung ekuiti;
  - (b) jumlah hasil yang telah dikumpul; dan
  - (c) butiran dan status mengenai penggunaan hasil.

Jika tiada apa-apa, pernyataan negatif untuk hal itu.

**PENGGUNAAN HASIL**

- (23) Pernyataan berkenaan dengan -
  - (a) hasil kasar terbitan baharu sekuriti;

**Lampiran 6B**  
**Kandungan surat pekeliling untuk terbitan baharu sekuriti**

---

- (b) cadangan penggunaan hasil kasar termasuk maklumat berikut, jika hasil tersebut akan digunakan untuk -
    - (i) mengurangkan pinjaman, jumlah penjimatan tahunan dalam pembayaran faedah dan jumlah pinjaman kumpulan pada tarikh praktikal yang terkini;
    - (ii) pengembangan, penempatan semula kilang atau premis pejabat, perincian mengenai lokasi kilang atau bangunan, jumlah kos pembinaan, kawasan binaan dan kapasiti pengeluaran sebelum dan sesudah pengembangan atau penempatan semula (jika berkaitan);
    - (iii) maklumat pelaburan berikut:
      - (aa) perincian mengenai pelaburan; atau
      - (bb) jika pelaburan belum dikenal pasti, pernyataan bagaimana hasil akan digunakan untuk sementara itu, sementara menunggu pengenalpastian pelaburan; dan
    - (iv) perincian dan pecahan modal kerja;
  - (c) anggaran perbelanjaan terbitan baharu sekuriti;
  - (d) rangka masa penggunaan penuh hasil.
- (24) Jika hasil dari terbitan baharu sekuriti akan digunakan untuk -
  - (a) perniagaan sedia ada kumpulan perbadanan dari perbadanan tersenarai; atau
  - (b) perniagaan baharu yang akan diperoleh atau dilaksanakan,
 penerangan dan gambaran industri di mana kumpulan perbadanan tersenarai beroperasi atau akan beroperasi dan prospek perniagaan berdasarkan gambaran industri.
- (25) Jika penerbitan sekuriti atau hasil digunakan untuk pemerolehan aset atau kepentingan, maklumat berkaitan mengenai transaksi yang dikehendaki di bawah Lampiran 10A Kehendak-kehendak ini sekiranya perolehan tersebut termasuk dalam lingkungan Bab 10 dan kelulusan pemegang syer dikehendaki menurut Bab 10.

**KESAN DARI CADANGAN**

- (26) Kesan dari terbitan baharu sekuriti berikut, dalam bentuk jadual:
- (a) modal syer (untuk menunjukkan kesan bagi setiap cadangan);
  - (b) aset bersih sesyer berdasarkan penyata kewangan penyatuhan teraudit yang terkini (untuk menunjukkan kesan bagi setiap cadangan);
  - (c) pendapatan sesyer kumpulan;
  - (d) struktur pemegangan syer substansial (untuk menunjukkan kesan bagi setiap cadangan);
  - (e) penggearan, jika berkenaan; dan
  - (f) mana-mana sekuriti boleh tukar sedia ada.

**Lampiran 6B**  
**Kandungan surat pekeliling untuk terbitan baharu sekuriti**

---

- (27) Pernyataan yang menyatakan semua komitmen material dan liabiliti luar jangkaan yang ditanggung atau diketahui akan ditanggung oleh perbadanan tersenarai.

**KELULUSAN YANG DIKEHENDAKI**

- (28) Kelulusan yang dikehendaki untuk terbitan baharu sekuriti, tarikh kelulusan tersebut diperolehi, syarat-syarat kelulusan, dan status pematuhan.

**PERSYARATAN CADANGAN**

- (29) Perincian mengenai apa-apa pelaksanaan/skim korporat lain diinginkan yang telah diumumkan tetapi belum selesai sebelum pencetakan surat pekeliling dan sama ada terbitan baharu sekuriti adalah bergantung kepada atau saling bergantung pada dan/atau mana-mana pelaksanaan/skim korporat lain.

**KEPENTINGAN PENGARAH, PEMEGANG SYER UTAMA, KETUA EKSEKUTIF DAN ORANG YANG BERHUBUNGAN**

- (30) (a) Sama ada terbitan baharu sekuriti adalah kepada pengarah, pemegang syer utama, ketua eksekutif atau orang yang berhubungan dengan pengarah, pemegang syer utama atau ketua eksekutif.
- (b) Sekiranya jawapan (a) adalah "ya", pernyataan bahawa orang tersebut dan juga pengarah, pemegang syer utama atau ketua eksekutif yang berkenaan, di mana terbitan adalah kepada orang yang berhubungan dengan pengarah, pemegang syer utama atau ketua eksekutif, mesti menarik diri dari mengundi berkenaan dengan pegangan syer langsung dan/atau tidak langsung mereka.
- (c) Pernyataan bahawa pengarah, pemegang syer utama atau ketua eksekutif berkepentingan tersebut telah berjanji bahawa akan memastikan bahawa orang yang berhubungan akan menarik diri dari mengundi terhadap ketetapan untuk meluluskan terbitan berkenaan di dalam mesyuarat agung.
- (d) Dalam kes pengarah berkepentingan, pernyataan bahawa pengarah berkepentingan telah menarik diri atau akan menarik diri dari membincang dan mengundi terhadap ketetapan yang berkaitan di mesyuarat lembaga.

**PENGESYORAN DAN ASAS PENGESYORAN**

- (31) Pernyataan oleh lembaga pengarah, tidak termasuk pengarah berkepentingan, yang menyatakan sama ada terbitan adalah demi kepentingan terbaik perbadanan tersenarai. Jika seseorang pengarah tidak setuju dengan pernyataan tersebut, pernyataan oleh pengarah tersebut menyatakan sebab-sebab dan faktor yang dipertimbangkan dalam membentuk pendapat tersebut.
- (32) Jika pengundian dikehendaki, satu pengesyoran bersama-sama asas pengesyoran tersebut dari lembaga pengarah, tidak termasuk pengarah berkepentingan, mengenai tindakan pengundian yang harus diambil oleh pemegang sekuriti.

**RANGKAMASA UNTUK PENYEMPURNAAN / PELAKSANAAN**

**Lampiran 6B**  
**Kandungan surat pekeliling untuk terbitan baharu sekuriti**

---

- (33) Anggaran rangka masa untuk penyempurnaan terbitan baharu sekuriti dan dalam kes terbitan hak atau terbitan bonus, jadual waktu tentatif untuk pelaksanaan cadangan tersebut.

**MAKLUMAT LANJUT / TAMBAHAN**

- (34) Harga pasaran tertinggi dan terendah secara bulanan sekuriti tersenarai yang diperdagangkan sepanjang 12 bulan sebelum tarikh surat pekeliling dan harga transaksi terakhir sejurus sebelum pengumuman terbitan baharu sekuriti dan pada tarikh terakhir yang praktikal sebelum percetakan surat pekeliling.
- (35) Apa-apa maklumat lain yang pemegang sekuriti dan Penaja atau Penasihatnya, dalam kes yang berkenaan, jangkakan munasabah untuk ditemui dalam surat pekeliling bersifat demikian bagi tujuan membuat keputusan yang berpengetahuan.

**LAMPIRAN-LAMPIRAN**

- (36) Dalam kes Skim Penerbitan Syer, undang-undang kecil skim.
- (37) Maklumat lain seperti berikut:
- (a) pernyataan kebertanggungjawaban oleh para pengarah bahawa surat pekeliling itu telah dilihat dan diluluskan oleh para pengarah perbadanan tersenarai dan bahawa mereka secara kolektif dan individu menerima kebertanggungjawaban penuh terhadap ketepatan maklumat yang diberikan dan mengesahkan bahawa setelah membuat semua siasatan yang munasabah sepanjang pengetahuan dan kepercayaan mereka tidak terdapat keninggalan fakta lain yang akan membuat mana-mana pernyataan dalam surat pekeliling mengelirukan;
  - (b) Jika seseorang yang dinamakan dalam surat pekeliling telah menasihati perbadanan tersenarai atau pengaruhnya, pernyataan -
    - (i) bahawa penasihat tersebut telah memberikan dan tidak menarik balik persetujuan bertulisnya mengenai kemasukan nama atau surat penasihat, atau kedua-duanya (jika berkenaan) dalam bentuk dan konteks ia dimasukkan; dan
    - (ii) oleh penasihat sama ada percanggahan kepentingan wujud atau berkemungkinan besar untuk wujud berhubung peranannya sebagai penasihat. Sekiranya percanggahan kepentingan wujud atau berkemungkinan besar untuk wujud berhubung peranannya sebagai penasihat, memberikan penzahiran yang lengkap mengenai sifat dan setakat mana percanggahan kepentingan atau percanggahan kepentingan yang berpotensi, pihak-pihak yang bercanggah; dan langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan, menghapuskan, atau mengurangkan situasi percanggahan kepentingan.
- Bagi maksud ini, "**percanggahan kepentingan**" ertiannya keadaan atau perhubungan yang menjelaskan atau mungkin menjelaskan kemampuan penasihat untuk bertindak secara bebas atau objektif atau di mana penasihat mempunyai kepentingan dalam keputusan cadangan yang mengganggu atau berkemungkinan untuk mengganggu kebebasan dan objektivitinya;
- (c) pernyataan mengenai semua litigasi, tuntutan atau timbang tara material yang melibatkan perbadanan tersenarai dan/atau mana-mana subsidiarinya, termasuk yang

**Lampiran 6B**  
**Kandungan surat pekeliling untuk terbitan baharu sekuriti**

---

belum selesai atau yang mengancam perbadanan tersebut. Butir-butir berikut mesti dizahirkan:

- (i) latar belakang;
  - (ii) tarikh tindakan undang-undang;
  - (iii) nama-nama plaintif dan defendant;
  - (iv) anggaran pendedahan maksimum terhadap liabiliti;
  - (v) pendapat pengarah / peguam mengenai keputusan; dan
  - (vi) status;
- (d) pernyataan bahawa dari tarikh surat pekeliling hingga ke tarikh mesyuarat agung dokumen berikut (atau salinan dokumen) dapat diperiksa di pejabat berdaftar perbadanan tersenarai:
- (i) perlombagaan;
  - (ii) penyata kewangan teraudit perbadanan tersenarai atau kumpulan, atau kedua-duanya untuk 2 tahun kewangan yang lepas dan hasil belum diaudit yang terkini sejak penyata kewangan teraudit yang terakhir;
  - (iii) semua laporan, surat atau dokumen lain, penyata kedudukan kewangan, penilaian dan pernyataan oleh mana-mana pakar, mana-mana bahagian yang diekstrak atau disebut dalam surat pekeliling;
  - (iv) surat persetujuan yang disebut dalam subperenggan (b) di atas;
  - (v) surat-surat keterangan mahkamah yang berkaitan berhubung litigasi material yang disebut dalam subperenggan (c) di atas;
  - (vi) surat ikatan amanah dan/atau surat ikatan pol (jika berkenaan);
  - (vii) anggaran, ramalan atau unjuran, dalam kes yang berkenaan, bersama-sama surat juruaudit (jika disediakan);
  - (viii) penyata kedudukan kewangan penyatuan pro forma dengan surat juruaudit (jika disediakan) dan
  - (ix) undang-undang kecil skim, dalam kes Skim Penerbitan Syer.

## Bahagian B

**Kandungan surat pekeliling tambahan berhubung sekuriti boleh tukar**  
(Kaedah 6.54)(1))

- (1) Bilangan maksimum sekuriti sandaran yang akan diterbitkan pada pelaksanaan sekuriti boleh tukar.
- (2) Kedudukan sekuriti hasil dari pelaksanaan atau pertukaran.
- (3) Sama ada penyenaraian ingin dipohon untuk sekuriti yang akan diterbitkan semasa pelaksanaan atau pertukaran.

**Lampiran 6B**  
**Kandungan surat pekeliling untuk terbitan baharu sekuriti**

---

- (4) Tempoh dalam mana sekuriti boleh tukar dapat dilaksanakan dan tarikh hak ini bermula dan tamat.
- (5) Jumlah yang perlu dibayar pada pelaksanaan sekuriti boleh tukar dan asas penentuan harga pelaksanaan atau pertukaran.
- (6) Mekanisme langkah menaik atau langkah menurun penetapan harga (jika ada), jumlah langkah menaik atau langkah menurun dan rangka masa untuk penyelarasan harga pelaksanaan atau pertukaran.
- (7) Hak pemegang mengenai pembubaran perbadanan tersenarai.
- (8) Pengaturan untuk penyelarasan harga pelanggan atau pembelian dan bilangan sekuriti boleh tukar sekiranya berlaku pengubahan modal syer perbadanan tersenarai.
- (9) Hak pemegang (jika ada) untuk mengambil bahagian dalam apa-apa pengagihan dan/atau tawaran sekuriti selanjutnya yang dibuat oleh perbadanan tersenarai.
- (10) Jika sekuriti boleh tukar mempunyai ciri-ciri hutang -
  - (a) kadar faedah dan tarikh pembayaran faedah;
  - (b) kaedah penebusan;
  - (c) sama ada dijamin atau dicagar; dan jika demikian, perincian mengenai jaminan atau cagaran tersebut; dan
  - (d) penarafan terbitan.
- (11) Ringkasan terma material sekuriti boleh tukar..
- (12) Jika berkenaan, semua peruntukan untuk perubahan dalam terma sekuriti boleh tukar semasa tempoh sekuriti tersebut.
- (13) Cadangan penggunaan hasil dari pelaksanaan atau pertukaran sekuriti boleh tukar.

[Lampiran tamat]

## **LAMPIRAN 6C**

### **Garis masa untuk terbitan hak** (Kaedah 6.24)

	<b>Garis masa untuk terbitan hak</b>	<b>Had masa</b>	<b>Hari pasaran*</b>
1	Tarikh tutup buku (B) untuk menentukan orang yang berhak mengambil bahagian dalam terbitan hak		B
2	Siaran awam prospektus ringkas mengenai terbitan	1 hari pasaran sebelum dagangan terbitan hak bermula	B
3	Dagangan hak bermula	1 hari pasaran selepas tarikh tutup buku.	B+1
4	Perbadanan tersenarai mengeluarkan -  (a) Surat Pengumpukan Sementara (SPS) kepada Depositori dan jika berkenaan, orang yang berhak mendapat sekuriti yang telah dikecualikan dari deposit dengan Depositori; dan  (b) perkara berikut kepada orang yang berhak mendapat sekuriti yang didepositkan:  (i) notis pengumpukan sementara; dan  (ii) borang pelanggan hak	Dalam tempoh 2 hari pasaran selepas tarikh tutup buku	B + 2
5	Penamatan perdagangan hak	5 hari pasaran sebelum tarikh akhir penerimaan	B + 6
6	Tarikh tutup penerimaan permohonan dan penerimaan hak	Sekurang-kurangnya 11 hari pasaran selepas Tarikh tutup buku	B + 11

Nota:

- \* Bilangan hari pasaran dari tarikh tutup buku (B) dinyatakan berdasarkan tempoh minimum atau maksimum yang dibenarkan, dalam kes yang berkenaan.

[Lampiran tamat]

Lampiran 6D  
Aku janji oleh jurunilai perbadanan tersenarai

---

**LAMPIRAN 6D**

**Aku janji oleh jurunilai perbadanan tersenarai**  
(Kaedah 3.07(1)(b), 6.32(1) and 10.04)

Kepada

Bursa Malaysia Securities Berhad  
Exchange Square  
Bukit Kewangan  
50200 Kuala Lumpur

Tuan,

**Pematuhan terhadap Kehendak-kehendak Penyenaraian Pasaran ACE**

Sebagai balasan buat penerimaan Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Bursa Securities**") laporan penilaian dan dokumen lain yang kami sediakan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Kehendak-kehendak Penyenaraian Pasaran ACE Bursa Securities ("**Kehendak-kehendak Penyenaraian**"), KAMI ..... [nama & No. syarikat jurunilai] yang mempunyai alamat /tempat perniagaan yang #berdaftar di ..... BERJANJI DAN BERSETUJU untuk mematuhi Kehendak-kehendak Penyenaraian, termasuk sebarang pindaan dari semasa ke semasa dan setakat yang berkuat kuasa atas kami sebagai jurunilai.

\*\* Aku Janji ini dianggap dimeterai dalam Malaysia dan tafsiran, kesahan dan pelaksanaan Aku Janji ini, daripada segenap aspek, tertakluk di bawah undang-undang Malaysia dan KAMI berserah, secara tak boleh batal, kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

Aku Janji di atas telah ditandatangani oleh kami/saya sebagai ..... [tajuk / jawatan] dari ..... [nama jurunilai] di bawah kuasa yang diberikan kepada kami/saya melalui ketetapan lembaga pengarah jurunilai pada .....

Yang Benar,

.....

Nama:  
Jawatan:  
Tarikh:

# Padam mana-mana yang tidak berkenaan

\*\* Terpakai kepada jurunilai asing sahaja.

[Lampiran tamat]

**Lampiran 6E**  
**Kandungan undang-undang kecil Skim Penerbitan Syer**

---

**LAMPIRAN 6E**

**Kandungan undang-undang kecil Skim Penerbitan Syer**  
(Kaedah 6.43 and 6.45)

- (1) Orang yang layak menyertai terbitan syer berdasarkan skim ("peserta") dan asas penentuan kelayakan peserta.
- (2) Bilangan opsyen maksimum yang ditawarkan di bawah skim.
- (3) Hak maksimum untuk setiap kelas atau kategori peserta (jika berkenaan) dan hak maksimum untuk mana-mana peserta (jika berkenaan).
- (4) Jumlah perlu dibayar semasa permohonan atau penerimaan dan asas penentuan pelanggan atau penjualan, atau harga opsyen, tempoh di mana pembayaran atau panggilan, atau pinjaman untuk itu, boleh dibuat atau dipanggil.
- (5) Had masa untuk skim.
- (6) Tempoh minimum, jika ada, suatu opsyen yang mesti dipegang sebelum dapat dilaksanakan.
- (7) Pengundian, dividen, pemindahan dan hak-hak lain, termasuk yang berurutan dari pembubaran perbadanan tersenarai atau subsidiari, dalam kes yang berkenaan, bersangkutan dengan syer.
- (8) Rumusan untuk penyelarasan harga pelanggan atau opsyen atau bilangan syer (tidak termasuk opsyen yang telah dilaksanakan) di bawah skim, sekiranya suatu terbitan permodalan, terbitan hak, terbitan bonus, penyatuan atau pembahagian kecil syer, pengurangan modal dan/atau sebarang variasi modal lain.
- (9) Peruntukan bahawa perkara-perkara berkaitan dengan perenggan (1) hingga (8) di atas tidak boleh diubah untuk memihak kepada peserta tanpa mendapatkan kelulusan pemegang syer terlebih dahulu.

[Lampiran tamat]

---

**LAMPIRAN 6F**

**Kandungan surat ikatan amanah / surat ikatan pol**  
(Kaedah 6.55(2))

1. Mekanisme langkah menaik atau langkah menurun harga (jika ada) yang mesti dibuat dengan tetap, iaitu dinyatakan dalam jumlah atau terma yang mutlak dan tidak boleh dijadikan bersyarat pada peristiwa tertentu untuk berlaku.
2. Jumlah langkah menaik atau langkah menurun dan rangka masa untuk pelarasan harga pelaksanaan atau pertukaran.
3. Peruntukan untuk perubahan pada terma sekuriti boleh tukar semasa tempoh sekuriti tersebut.

[Lampiran tamat]